

19 JUN 1999

Umno-senarai (komen)

SENARAI PENERIMA PROJEK BUKTI TUDUHAN KRONISME TIDAK BENAR

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Anggota Majlis Tertinggi Umno Senator Datuk Ibrahim Ali berkata senarai penerima projek penswastaan kerajaan yang diterbitkan hari ini, membuktikan tuduhan kononnya kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengamalkan kronisme dan nepotisme adalah tidak berasas.

"Ini kerana senarai itu jelas membuktikan bahawa kekayaan negara dibahagikan sama rata tanpa mengira kumpulan," katanya kepada pemberita di Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini.

Senarai itu yang dipamerkan pada hari ketiga Perhimpunan Agung Umno, mengandungi butiran mengenai pemberian saham khas dan projek penswastaan dari tahun 1993 hingga 1998, iaitu ketika Datuk Seri Anwar Ibrahim menjadi Menteri Kewangan sebelum dia dilucutkan jawatan pada 2 Sept 1998.

Sebelum ini, pelbagai tuduhan dilemparkan terhadap beberapa pemimpin termasuk Dr Mahathir dan Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin kononnya mereka memberi kontrak dan saham kepada kroni masing-masing.

Antara pengkritik berhubung isu itu ialah bekas Ketua Pemuda Datuk Ahmad Zahid Hamidi.

Berikutan tuduhan Ahmad Zahid berhubung amalan kronisme itu, satu senarai penerima projek kerajaan dikeluarkan pada perhimpunan agung Umno tahun lepas.

Ibrahim, yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, berkata bahawa daripada senarai itu, terbukti bahawa pihak yang mengecam kerajaan kononnya mengamalkan kronisme dan nepotisme turut mendapat nikmat dan faedah daripada projek penswastaan.

"Kini fakta membuktikan segala-galanya...senarai menunjukkan tidak sedikit kawan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mendapat faedah yang besar termasuk bapa beliau sendiri Datuk Ibrahim Abdul Rahman," katanya.

Ibrahim, yang mengetuai jawatankuasa khas Umno menangani fitnah terhadap parti dan pemimpin-pemimpinnya, berkata beliau percaya terdapat satu lagi senarai mengandungi nama penerima-penerima saham semasa pengapungan entiti kerajaan seperti Tenaga Nasional, Syarikat Telekom Malaysia Berhad, Klang Container Terminal Berhad dan Hicom Berhad.

Katanya bilangan sahabat Anwar yang mendapat faedah besar daripada pengapungan itu pasti "mengejutkan".

"Ini kerana ketika pengupungan itu dilakukan, BSKL mengalami keadaan lonjakan atau bull run dan pengagihan dilakukan ketika Anwar menjadi Menteri Kewangan," katanya.

Di ruang legar Dewan Merdeka, tempat senarai itu dipamerkan, anggota perwakilan, pemerhati dan orang awam bertali arus mengambil peluang melihat senarai tersebut.

Beberapa orang awam yang ditemui menyokong tindakan kerajaan mendedahkan nama penerima itu kerana ia memberi gambaran keadaan sebenar tentang isu kronisme.

"Memang patut kerajaan mengeluarkan senarai seperti ini kerana sekurang-kurangnya orang ramai tahu siapa sebenarnya yang mendapat faedah daripada projek penswastaan kerajaan," kata Ramli Ahmad, 39 tahun, seorang pekerja syarikat.

Katanya pihak yang beria-ia melaungkan isu kronisme sepatutnya berasa malu kerana terbukti mereka turut mendapat faedah.

"Dia (Anwar) tuduh orang lain amalkan kronisme, tapi sebenarnya kawan-kawan dia pun dapat," katanya.

Haji Isa Saamah, 53, dari Kelantan pula berkata langkah mengumumkan nama penerima itu memang wajar bagi memberi peluang kepada orang ramai menilai sendiri isu kronisme yang ditimbulkan oleh sesetengah pihak.

"Kalau yang dikatakan kronisme, hanya satu pihak sahaja yang dapat (kontrak untuk projek), tapi nyata yang kita lihat projek diagihkan sama rata dan semua pihak dapat, ini bukanlah kronisme namanya," kata beliau.

Shukor Abdul Hamid, berusia 30an, seorang pekerja syarikat swasta, berkata dengan meneliti senarai itu beliau sedar tuduhan kerajaan mengamalkan kronisme dan nepotisme tidak benar.

-- BERNAMA

AKT WNZ MAI